

14/01/2002

Perkongsian maklumat boleh kekang kegiatan pengganas

KUALA LUMPUR, Ahad - Malaysia percaya rantau ini boleh bekerjasama, terutama dari segi pertukaran maklumat bagi mengekang kegiatan pengganas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pada masa yang sama dunia tidak harus menjadikan negara Islam atau pengganas di kalangan orang Islam saja sebagai sasaran kerana pengganas wujud di merata tempat.

Setakat ini, katanya, fokus cuma terhadap pengganas di kalangan orang Islam yang memberi gambaran seolah-olah tiada pengganas lain di dunia ini.

"Kita tahu dengan pasti bahawa banyak pengganas di dunia ini. Di Jepun ada Aum Shinrikyo. Pengganas berada di mana saja dan ini memerlukan tindakan antarabangsa.

"Mesti ada kerjasama antarabangsa dengan memberi maklumat dan bukan mendiskriminasi di antara pengganas. Pengganas bukan saja di kalangan orang Islam. Cuba lihat di Bosnia, Chechnya...ada 200,000 orang Islam Bosnia dibunuh.

"Tetapi tidak ada usaha dunia menentang keganasan Serbia. Jadi ia memberi gambaran seolah-olah kematian 200,000 umat Islam tidak sepeenting 6,000 orang yang mati di Amerika (dalam kejadian 11 Sepetember lalu)," katanya dalam temu ramah khas yang disiarkan majalah Jepun, "Chuokoron" baru-baru ini.

Dalam temu ramah itu, beliau mendedahkan seramai 50 rakyat Malaysia dikenal pasti mempunyai hubungan dengan rangkaian pengganas Al-Qaeda, pimpinan Osama bin Laden yang didakwa Amerika Syarikat mendalangi serangan 11 September lalu.

Dr Mahathir berkata, agak sukar untuk mendapat kerjasama negara Islam apabila mereka melihat bahawa hanya pengganas Islam menjadi buruan.

Malah di Britian, katanya, wujud diskriminasi di antara pengganas mereka dan pengganas asing menerusi undang-undang.

Ditanya bagaimana negara Islam bekerjasama dengan dunia Barat, Dr Mahathir berkata hubungan itu biasa dan tidak harus mempunyai sebarang perbezaan sama ada ia negara Islam atau tidak.

"Hubungan kita dengan mereka hanya hubungan di antara dua negara berbeza. Itulah yang saya titikberatkan. Malaysia adalah negara merdeka dan kita mempunyai dasar sendiri. Kita tidak mengganggu hal ehwal dalaman negara lain.

"Kita mahu mempunyai hubungan baik, berdagang, mempunyai hubungan diplomatik tetapi negara lain tidak boleh mengenakan sistem atau ideologi mereka ke atas kami," katanya.

Mengenai hubungan ekonomi Malaysia-Amerika Syarikat sama ada turut terjejas berikutan isu keganasan, beliau berkata, ia menjejaskan ekonomi bukan saja di Malaysia.

Katanya, Amerika Syarikat adalah pembeli kepada kira-kira 20 peratus barangan Malaysia.

Tetapi kata beliau, peristiwa rampasan pesawat dan merempuh Pusat Dagangan Dunia (WTC) itu menyebabkan orang ramai takut untuk menaiki kapal terbang bukan sahaja di kalangan pelancong, malah masyarakat peniaga.

"Jadi agak sukar untuk berniaga kerana orang ramai tidak berhubung di antara satu sama lain. Anda boleh berhubung menerusi Internet, tetapi ia tidak sama. Anda mesti meninjau negara, melawat dan berbincang di antara satu sama lain untuk berniaga. Jadi ia menjejaskan keseluruhan dunia," katanya.

(END)